



IBRAHIM YUSOFF (tengah) menunjukkan cara penggunaan aplikasi CePAT menggunakan telefon pintar kepada wakil agensi penguat kuasa selepas melancarkan aplikasi berkenaan di Kuala Lumpur, kelmarin. -UTUSAN/FAISOL MUSTAFA



ORANG awam boleh melaporkan sebarang bencana termasuk tanah runtuh menerusi aplikasi Cepat bagi memudahkan agensi terlibat segera ke lokasi kejadian dan menyelesaikannya dalam tempoh satu jam.

Bantuan kecemasan, selesai masalah dalam tempoh sejam 'Cepat' kesan bencana

Oleh NIK HAFIZUL BAHARUDDIN
kota@utusangroup.com.my

■ KUALA LUMPUR 19 JULAI

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyasarkan tempoh sejam untuk memastikan bantuan kecemasan dan menyelesaikan sesuatu bencana di ibu kota menerusi aplikasi sistem amaran bencana, Cepat.

Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosioekonomi DBKL, Datuk Ibrahim Yusoff berkata, sasaran itu diletakkan sebagai petunjuk prestasi utama (KPI) untuk memastikan masalah tersebut dapat ditangani dengan pantas dan berkesan.

"Kita perlu pastikan dalam masa selama lima minit, anggota keselamatan dan penguat kuasa daripada mana-mana agensi terlibat mesti sampai ke tempat kejadian dan menyelesaikannya

dalam tempoh sejam.

"Mereka mesti ada KPI yang jelas supaya setiap laporan yang diterima perlu disempurnakan dengan sebaiknya," katanya ketika berucap melancarkan aplikasi Cepat di sini.

Beliau berkata, aplikasi Cepat iaitu singkatan kepada Perlaksanaan, Amaran dan Tindakan itu dibangunkan pihak berkuasa tempatan itu dengan kerjasama MPI Valve & Control Sdn. Bhd. dan GreenTag Pro.

"Ia dibangunkan khas untuk PBT dan agensi kerajaan dalam usaha menambah baik pengurusan bencana dari segi penyebaran maklumat bencana dan tindakan menyelamatkan mangsa.

"Fungsi utama aplikasi ini adalah menghubungkan antara agensi kerajaan dengan orang awam dalam memberi maklumat berkaitan bencana yang berlaku dengan lebih cepat dan berkesan," katanya.

Ibrahim berkata, sistem itu dihubungkan dengan aplikasi telegram secara percuma untuk kegunaan orang awam.

"Antara fungsi yang boleh didapati dalam sistem aplikasi ini termasuk memberi maklumat jumlah taburan hujan, indeks pencemaran udara, banjir, tanah runtuh, kemalangan jalan raya, pokok tumbang dan kebakaran," katanya.

Menurutnya, menerusi aplikasi itu, orang awam boleh melaporkan dan memberi maklumat berkaitan bencana sekiranya mereka berada di tempat kejadian bagi memudahkan agensi terlibat mengambil tindakan lanjut.

"Orang awam juga boleh mendapatkan maklumat berkaitan bencana alam yang berlaku secara automatik daripada sistem ini dengan hanya perlu mendaftar melalui aplikasi telegram," katanya.